

SURAT EDARAN JPA.SARAAN(S) 43/35 JId.8 (10)

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR

BILANGAN 4 TAHUN 2019

CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN DEEPAVALI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU

(Telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-65 Bil. 1/2019 pada 3 Mac 2019)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeling ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan berkaitan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Hindu diberi kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari bagi perayaan hari Deepavali iaitu pada hari berikutnya sebagai tambahan kepada cuti umum.
- 2.2 Kemudahan cuti ini adalah bagi memberi ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.

3.0 SYARAT DAN KADAR

- 3.1 Pemohon adalah penganut agama Hindu
- 3.2 Kadar cuti ialah satu (1) hari pada tarikh berikutnya sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Perayaan Deepavali tersebut.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Deepavali hendaklah dilaksanakan seperti berikut:
 - (a) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk perakuan sebelum kelulusan Pendaftar.
 - (b) Carta alir proses permohonan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Deepavali adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan ini diberikan mengikut pelaksanaan pada para 4.0 di atas.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini dipanjangkan pemakaianya kepada semua lantikan staf UniMAP.

7.0 TARIKH KUATKUASA

7.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan'

Saya yang menjalankan amanah



(**HJ. MOHD SAAD BIN DIN**)
Pendaftar

8 Mei 2019

**CARTA ALIR BAGI PERMOHONAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN
DEEPAVALI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT
AGAMA HINDU**

